

## **Draf : ETIKA PEMBELAJARAN ATAS TALIAN**

**Ketua kumpulan 5: AHMAD MUHAIMIN BIN AHMAD HAMBALI**

### **Objektif kajian :**

1. Menganalisis pendapat tenaga pengajar dan pelajar mengenai tingkah laku dan interaksi etika pembelajaran atas talian
2. Mengenalpasti pendapat pelajar mengenai etika pembelajaran atas talian.
3. Mengenalpasti tahap integriti pelajar semasa pembelajaran atas talian.

### **Persoalan kajian:**

1. Apakah masalah yang berlaku dalam pembelajaran atas talian dari aspek etika.
2. Bagaimana kaedah kelas atas talian dapat dilaksanakan secara efektif.
3. Apakah langkah-langkah pencegahan yang dapat dilakukan bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan dalam pembelajaran secara atas talian.

### **Soal selidik:**

Menggunakan kaedah kaji selidik dengan menggunakan aplikasi “Google Forms” yang akan diedarkan kepada kalangan pelajar dan tenaga pengajar. Soal selidik ini dilakukan dalam beberapa bentuk. Contohnya, secara respon berskala, bermula dari (1) sangat tidak setuju, (2), tidak setuju, (3) tidak memutuskan, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Soal selidik tersebut terdiri daripada dua bahagian : (1) gaya pembelajaran, (2) isu-isu tingkah laku dan undang-undang.

pendapat pelajar dan pengajar mengenai gaya pembelajaran, pemilihan perkakasan, ketidakupayaan fizikal pelajar

- Kaji selidik untuk menilai gaya pembelajaran yang perlu dilakukan.
- Kaji selidik untuk menilai pemilihan peranti elektronik perlu dilakukan.
- Pemilihan peranti elektronik pelajar perlu diambil kira semasa proses reka bentuk pengajaran dalam talian.

- Hanya unsur-unsur multimedia yang penting boleh digunakan dalam kursus untuk mengurangkan masalah capaian internet.
- Kursus harus menawarkan akses pembelajaran secara sama rata agar interaksi di kalangan pelajar dan dengan tenaga pengajar dilakukan.

Pendapat pelajar dan pengajar berkenaan dengan isu-isu tingkah laku dan undang-undang.

- Pelajar perlu dimaklumkan dengan jelas mengenai isu-isu tingkah laku ketika pembelajaran dalam talian.
- Kursus tersebut perlu memaklumkan dengan jelas kepada pelajar mengenai tanggungjawab mereka sepanjang pembelajaran dalam talian.
- Jika pelajar gagal mengikuti etika pembelajaran atas talian lebih daripada satu atau dua kali, dia hendaklah dikeluarkan daripada perbincangan Forum.
- Penyertaan pelajar dalam pembelajaran atas talian perlu diambil kira ketika menentukan markah pelajar.
- Pelajar yang Menipu / plagiarisme perlu diambil tindakan dengan memberi gred gagal dalam kursus.
- Pelajar yang Menipu / plagiarisme perlu diambil tindakan dengan memberi gred gagal pada kertas yang diambil sahaja.
- Pelajar yang Menipu / plagiarisme perlu diambil tindakan dengan dibuang daripada Universiti.
- Pelajar yang Menipu / plagiarisme perlu diambil tindakan dengan menunjukkan nama mereka dalam senarai penipu dalam Universiti.
- Pelajar yang Menipu / plagiarisme perlu diambil tindakan dengan berkongsi rekod menipu pelajar dengan institusi akademik yang lain.
- Tenaga pengajar perlu memberitahu tindakan yang akan diambil sekiranya berlaku plagiarisme /menipu.

- Setiap kursus hendaklah menyediakan maklumat mengenai undang-undang hak cipta mengenai aktiviti pembelajaran di Internet.
- Pendapat pelajar tentang peraturan etika yang berkaitan dengan kursus dalam talian haruslah diambil kira.
- Kaji selidik perlu dijalankan mengenai sejauh mana pelajar mematuhi peraturan etika dalam kursus dalam talian